

هوڠ ليونڠ م.س.ا.ج. تكافل



HongLeong MSIG Takaful



HLM Takaful **i-Heritage Protector** Bina Warisan yang Terus Hidup



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-7650 1800
Layari www.hlmtakaful.com.my

BestBrands in Takaful Solutions
The Brandlaureate World Halal
Best Brands Awards 2018

Bina Warisan yang Terus Hidup

Adakah anda dalam dilema di antara membeli pelan perancangan kewangan atau rumah keluarga yang lebih besar untuk yang tersayang? Mengapa tidak kedua-duanya sekali.

HLM Takaful i-Heritage Protector adalah pelan takaful perlindungan kewangan yang direka khas bagi menyediakan warisan mewah buat yang tersayang dan pilihan untuk melindungi pembiayaan gadai janji anda.

Pelan takaful ini memberikan anda fleksibiliti dalam memilih tempoh pembayaran dan menikmati jumlah dilindungi asas sehingga berumur 70, 80 atau 90. Anda juga tidak perlu bimbang dengan HLM Takaful i-Heritage Protector memandangkan jumlah dilindungi asas akan meningkat secara automatik semasa tempoh perlindungan.

Pada masa yang sama, kami memastikan kesayangan anda boleh meneruskan hidup dari segi kewangan sekiranya berlaku peristiwa yang tidak terduga dengan Elaun Ihsan, bayaran pendahuluan sehingga RM10,000 sebagai tambahan kepada jumlah dilindungi asas.

MENGAPA HLM Takaful i-Heritage Protector?

PERLINDUNGAN



Peningkatan Manfaat Kematian

Perlindungan meningkat sebanyak 10% setiap 10 tahun, tertakluk kepada maksimum 50% Jumlah Dilindungi Asas. Ciri ini membantu ketika memenuhi komitmen kewangan yang meningkat dalam hidup apabila anda semakin berusia.

Tahun Sijil	Jumlah Dilindungi Asas Semasa (CBSC)
1 hingga 10	100% daripada Jumlah Dilindungi Asas (BSC)
11 hingga 20	110% daripada Jumlah Dilindungi Asas (BSC)
21 hingga 30	120% daripada Jumlah Dilindungi Asas (BSC)
31 hingga 40	130% daripada Jumlah Dilindungi Asas (BSC)
41 hingga 50	140% daripada Jumlah Dilindungi Asas (BSC)
51 & seterusnya	150% daripada Jumlah Dilindungi Asas (BSC)

Anda juga boleh memilih jenis perlindungan bergantung kepada keperluan kewangan anda:

Face Plus

CBSC dan baki dalam Akaun Peserta (jika ada);

ATAU

Level Face

CBSC atau baki dalam Akaun Peserta (jika ada), yang mana lebih tinggi



Manfaat Kematian akibat Kemalangan

Tambahan 100% daripada CBSC akan dibayar sekiranya kematian berlaku berpunca daripada kemalangan. Perlindungan ini adalah sehingga 70 tahun.



Manfaat Haji dan Umrah¹

Tambahan 200% daripada CBSC akan dibayar sekiranya kematian berlaku ketika mengerjakan Haji dan Umrah. Perlindungan ini adalah sehingga 70 tahun dan hanya berkenaan bagi Muslim.



Elaun Ihsan

Sementara menunggu Manfaat Kematian dibayar, elaun bulanan RM2,000 akan dibayar selama 5 bulan kepada ahli keluarga. Pembayaran pertama akan dibuat selepas kami menerima sijil kematian atau pengebumian.



Manfaat Kematangan

Sekiranya tiada tuntutan kematian dibuat sebelum sijil matang, baki dalam Akaun Peserta (jika ada) akan dibayar.

PERLINDUNGAN ALTERNATIF UNTUK PEMBIAYAAN GADAI JANJI ANDA

HLM Takaful i-Heritage Protector boleh menjadi pilihan lain bagi perlindungan gadai janji anda. Daripada membayar perlindungan gadai janji semasa anda secara pembayaran sekaligus, kami menyediakan penyelesaian bagi melanjutkan sumbangan tunggal anda kepada tempoh pembayaran sumbangan berkala.

PERKHIDMATAN NILAI TAMBAHAN

Anda boleh memilih perkhidmatan di bawah di mana sejumlah amaun akan ditolak daripada Manfaat Kematian yang akan dibayar di bawah sijil anda dan membayarnya kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami.

Perkhidmatan	Jumlah ² (RM)	Penerangan
Badal Haji (untuk Muslim)	3,500	Melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak mereka yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau kematian.
Waqaf	500	Pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan kebajikan.
Korban (untuk Muslim)	750	Menjalankan "Ibadah Korban" termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta, bagi pihak anda.

¹ Jika kematian akibat kemalangan berlaku ketika mengerjakan Haji & Umrah, hanya Manfaat Haji & Umrah akan dibayar. Manfaat Kematian akibat Kemalangan tidak akan dibayar.

² Tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tahun perkhidmatan dijalankan.

APAKAH FLEKSIBILITI YANG TERDAPAT DALAM HLM Takaful i-Heritage Protector?

FLEKSIBILITI DALAM MENENTUKAN

Tempoh Perlindungan

Sehingga umur
70 tahun

Sehingga umur
80 tahun

Sehingga umur
90 tahun

Jenis Perlindungan

Face Plus

Level Face

Tempoh Pembayaran Sumbangan

5 tahun

10 tahun

15 tahun

20 tahun

Jumlah Dilindungi Asas

Minimum: RM500,000

Maksimum: Tertakluk kepada
pengunderaitan

Meningkatkan Perlindungan dengan Rider

Disability Lump Sum Rider

Waiver of Contribution Rider

JENIS DANA TAKAFUL

1. Akaun Peserta (PA)

Sumbangan yang dibayar setelah ditolak Yuran Wakalah akan dimasukkan ke dalam PA. PA akan diurus dan dilabur oleh Pengendali Takaful. Nilai PA adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. Keuntungan dari pelaburan PA akan dikongsi pada kadar 90:10 di antara peserta dan Pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Mudharabah). Bahagian peserta akan dikreditkan kembali ke dalam PA. Sebarang risiko pelaburan daripada PA akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan nilai PA mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.

2. Dana Risiko Peserta (PRF)

Secara bulanan, Tabarru' yang telah ditentukan akan ditolak daripada PA ke dalam PRF (berdasarkan prinsip Iltizam Bi Al Tabarru') untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah pelan ini. Manfaat Takaful yang dibayar daripada PRF adalah dijamin.

Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan pada kadar 50:50 di antara peserta yang layak dan Pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Ju'alah). Bahagian peserta akan dikreditkan ke dalam PA.

YURAN & CAJ

1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen. Peratusan Yuran Wakalah berbeza mengikut tempoh sumbangan dan tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah:

Tempoh Sumbangan	Tahun Sijil						7 sehingga akhir Tempoh Sumbangan
	1	2	3	4	5	6	
5 tahun	44%	27%	24%	19%	16%	Tidak Berkenaan	
10 tahun	58%	36%	29%	23%	18%	18%	13%
15 tahun	72%	45%	34%	29%	21%	21%	13%
20 tahun	85%	53%	39%	33%	23%	23%	13%

2. Tabarru'³

Tabarru' adalah bahagian daripada sumbangan dibayar yang akan diambil daripada PA dan diperuntukkan ke dalam PRF. Tabarru' akan digunakan untuk bantuan bersama di kalangan peserta. Amaun Tabarru' bergantung kepada perlindungan, umur, jantina, status perokok, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Dilindungi. Kadar Tabarru' tidak kekal pada tahap yang sama dan tidak dijamin.

3. Caj Serahan³

Tiada caj yang akan dikenakan apabila anda menyerahkan sijil Takaful anda.

4. Yuran Pengeluaran Separa³

Tiada yuran akan dikenakan apabila anda membuat pengeluaran separa daripada Akaun Peserta anda.

SOALAN LAZIM

1. Apakah maksud Takaful?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang bagi tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

2. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum bagi HLM Takaful i-Heritage Protector?

Umur kemasukan minimum adalah 30 hari manakala umur kemasukan maksimum adalah 70 tahun, hari jadi akan datang.

3. Apakah rider yang tersedia untuk meningkatkan perlindungan saya?

Anda boleh memilih untuk melampirkan mana-mana rider yang berikut kepada HLM Takaful i-Heritage Protector:

Rider	Penerangan Ringkas
Disability Lump Sum Rider	Jika orang dilindungi didiagnosis mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum berumur 66 tahun atau Hilang Upaya Usia Tua (OAD) selepas itu, Jumlah Dilindungi Rider akan dibayar.
Waiver of Contribution Rider	Jika orang dilindungi didiagnosis dengan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), Hilang Upaya Usia Tua (OAD) atau salah satu daripada 36 Penyakit Kritikal (CI) ⁴ , sumbangan akan datang akan dikecualikan.

4. Apakah pilihan mod dan cara pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui tunai, kad kredit/debit, debit auto, debit terus, arahan tetap atau Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

5. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful i-Heritage Protector?

- Tiada manfaat Takaful kecuali baki di dalam PA (jika ada) dan Elaun Ihsan akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana lebih kemudian.
- Manfaat Kematian akibat Kemalangan tidak akan dibayar bagi kematian akibat kemalangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada kecederaan yang dilakukan terhadap diri sendiri sama ada ketika waras atau tidak waras, peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, sebarang operasi mirip peperangan, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau tindakan keganasan.
- Manfaat Haji & Umrah tidak akan dibayar jika kematian berlaku ketika orang dilindungi melakukan ziarah atau perjalanan di luar Arab Saudi ketika Haji atau Umrah atau tidak berada dalam tempoh perlindungan empat puluh lima (45) hari untuk Haji dan lima belas (15) hari untuk Umrah, atau tempoh perjalanan sebenar, yang mana lebih singkat.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Takaful Tambahan untuk senarai penuh pengecualian pelan asas dan Rider pilihan.

6. Apakah yang berlaku jika saya menamatkan sijil Takaful saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful tersebut kepada kami berserta notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Baki di dalam PA (jika ada) akan dibayar kepada anda, ditolak caj serahan (jika ada). Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil Takaful anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

7. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful i-Heritage Protector layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang telah dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.


³ Kami berhak untuk mengubah yuran dan caj dengan memberikan notis bertulis kepada Peserta 90 hari sebelum ulang tahun sijil yang seterusnya.

⁴ Dengan syarat orang dilindungi hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis Penyakit Kritikal tersebut.

NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan Takaful ini adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas ia dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda, ditolak sebarang perbelanjaan perubahan yang telah ditanggung.
5. Prestasi pelaburan Akaun Peserta anda adalah tidak dijamin. Adalah mungkin bahawa baki PA anda tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj berkaitan lain disebabkan oleh pulangan pelaburan yang rendah. Dalam kes berikut, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan sekiranya anda ingin mengekalkan sijil Takaful.
6. Sekiranya sumbangan tidak berbayar, sijil Takaful anda akan kekal berkuat kuasa selagi baki di dalam PA anda mencukupi untuk menampung Tabarru' dan caj berkaitan lain. Sekiranya PA anda tidak mencukupi untuk menampung semua caj dan tiada pembayaran dibuat oleh anda selepas tempoh ihsan selama 30 hari, sijil Takaful anda akan luput.
7. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah satu komitmen jangka panjang. Adalah tidak digalakkan untuk memegang pelan Takaful ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
8. Jika anda membatalkan sijil Takaful anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun yang lebih rendah daripada yang telah disumbangkan.
9. Sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penamatan awal, penyerahan atau kematangan sijil Takaful.
10. Semua umur yang disebut dalam risalah ini adalah berdasarkan pada hari jadi akan datang.
11. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah insuranceinfo mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana cawangan kami, atau layari www.insuranceinfo.com.my
12. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

AHLI



Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari www.hlmtakaful.com.my atau fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful